

09/02/2003

Syor Umno Kelantan dipertimbang

LANGKAWI: Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau akan mempertimbangkan permohonan Umno Kelantan untuk menyerahkan senarai nama calon lebih awal bagi pilihan raya umum akan datang.

Dr Mahathir selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN) yang memberi kata putus mengenai semua calon BN bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai cadangan itu.

"Saya akan fikir," katanya ketika ditanya sama ada beliau bersetuju mengenai cadangan itu dan sama ada ia memberi manfaat kepada Umno.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditemui pemberita ketika melawat stesen perkhidmatan kereta kabel yang menghubungkan kompleks beli-belah bersepadu Oriental Village dengan Gunung Machinchang setinggi 708 meter, di Teluk Burau, semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Umno Kelantan Umno, Datuk Mustapa Mohamed sebelum ini dilaporkan berkata, cadangan itu dikemukakan beberapa pemimpin parti yang kemudian dipersetujui Ketua Bahagian Umno negeri dan Jawatankuasa Perhubungan Umno negeri.

Dr Mahathir yang tiba di sini malam semalam, menaiki helikopter di Kampung Tok Senik Resort di sini, semalam, sebaik selesai bersarapan, untuk melawat pembangunan pangkalan marina Kuala Kedah.

Dr Mahathir yang diiringi Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain kemudian berpatah balik ke pulau ini untuk meninjau projek 'Harbour Park Langkawi' di Pantai Kok.

Projek bernilai RM40 juta itu dibangunkan berdasarkan konsep Mediterranean yang antara lain mengandungi marina yang boleh memuatkan 100 kapal layar pada satu-satu masa.

Pelbagai kemudahan lain seperti hotel, butik dan apartmen juga akan dibangunkan di kawasan seluas 12 hektar itu.

Beliau diberi taklimat mengenai perkembangan projek itu yang kini 80 peratus siap oleh perunding projek, yang juga pelayar negara Datuk Azhar Mansor.

Perdana Menteri turut diberi taklimat mengenai cadangan membina jambatan gantung bernilai RM2 juta, yang akan menjadi satu lagi daya penarik pelancong menggunakan perkhidmatan kereta kabel di situ, oleh perunding projek Dr Peter A Wyss.